

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Title : MERASMIKAN SEMINAR "PENGASUHAN KANAK-KANAK PRA SEKOLAH"  
Location : HOTEL REGENT, KUALA LUMPUR  
Date : 31-10-1981

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur Seminar kerana menjemput saya ke majlis hari ini dan seterusnya memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikannya. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia dan semua pihak yang telah berusaha bagi menganjurkan Seminar yang diadakan sempena dengan Hari Kanak-kanak Sedunia.

2. Usaha Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia mengadakan Seminar ini seharusnya dipuji oleh kerana mengasuh kanak-kanak di peringkat pra-sekolah ini merupakan satu aspek pendidikan yang sangat penting dan perlu mendapat perhatian yang sewajarnya. Sepertimana yang kita maklum 39.5% atau seramai 5.63% juta penduduk di negara ini adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berumur 14 tahun ke bawah. Dalam hal ini, dan sepertimana yang kita ketahui juga, perkhidmatan kebajikan, pelajaran dan lain-lain untuk kanak-kanak dalam peringkat umur tujuh tahun ke atas adalah luas. Sebaliknya pula kanak-kanak yang di dalam golongan pra sekolah masih lagi belum mendapat perhatian yang secukupnya dari segi perkhidmatan-perkhidmatan yang disebutkan ini. Pada amnya, dikebanyakan negara, masalah kanak-kanak pra-sekolah tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dan keutamaan diberi kepada bayi dan kanak-kanak kecil. Ini adalah kerana beberapa faktor seperti kurang pengetahuan keluarga dan masyarakat bahawa golongan pra-sekolah ini juga memerlukan jagaan khas. Ibu-ibu yang mengandung atau mempunyai bayi yang baru lahir tidak ada masa untuk memberi perhatian yang sewajarnya kepada kanak-kanak yang agak besar.

3. Perkhidmatan jagaan dan didikan untuk kanak-kanak yang berumur di antara empat hingga tujuh tahun adalah melalui Taman-taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) dan Taman-taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA). Tujuan utama TABIKA dan TADIKA adalah, di antara lain, untuk menyediakan kanak-kanak dengan peluang-peluang yang secukupnya supaya membesar dan mendapat pertumbuhan jasmani, mental dan sosial yang sehat sebelum anak-anak kecil ini bersekolah. Pada masa ini TABIKA dan TADIKA bukan sahaja terdapat di bandar-bandar tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar. Usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak KEMAS, RISDA, FELDA dan lain-lain ejensi Kerajaan telah memberi peluang kepada kanak-kanak kecil di kawasan luar bandar mendapat bimbingan dan didikan. Usaha-usaha ini seharusnya dipuji dan saya harap ianya dapat ditingkatkan lagi di masa depan.

4. Pada masa ini perkhidmatan dan tempat-tempat jagaan dan asuhan harian untuk kanak-kanak bawah umur empat tahun sangatlah terhad dan terdapat di bandar-bandar sahaja. Pada keseluruhannya juga jagaan yang diberi kepada kanak-kanak kecil ini adalah ditumpukan kepada makan-minum dan masa tidur mereka sahaja tanpa memberi perhatian yang rapi terhadap perkembangan kanak-kanak itu sendiri dari segi pertumbuhan atau kesuburan sosial, emosi dan pemikiran.

Para hadirin sekalian,

5. Pada masa ini juga terdapat beberapa jenis modaliti jagaan dan asuhan bagi kanak-kanak yang di bawah umur empat tahun. Yang pertama ialah jagaan harian di rumah atau pun "Home Based Day Care". Ini adalah satu cara yang popular di kalangan ibu-ibu yang bekerja di mana kanak-kanak dijagai sepanjang hari sehingga pulang ibu-bapa mereka pada lewat petang. Selain daripada bayaran bulanan, biasanya susu dan makanan dibekalkan kepada penjaga kanak-kanak itu.

6. Yang kedua merupakan jagaan di pusat-pusat harian atau "Centre Based Day Care" di mana kanak-kanak diterima dan dijaga sepanjang hari oleh penjaga dan kakitangan- kakitangan di pusat tersebut. Sungguhpun ada pengurus yang mempunyai sedikit sebanyak latihan, pada keseluruhannya pengurus-pengurus dan kakitangan pusat-pusat ini tidak mempunyai latihan khusus bagi menjalankan Pusat-pusat ini.

7. Yang ketiga pula ialah di mana kanak-kanak ini dijaga oleh ibu ganti dan hanya pulang kepada

ibu-bapa mereka seminggu sekali atau pun dalam jangka masa yang lebih panjang lagi. Ibu ganti ini kadang-kala adalah saudara mara keluarga itu sendiri dan kadang-kala pula orang-orang lain.

8. Di kawasan luar bandar pula, adalah menjadi amalan biasa di kalangan ibu-ibu yang bekerja untuk meninggalkan anak-anak kecil mereka di dalam jagaan nenek atau jiran atau pun anak perempuan yang besar. Ibu-ibu yang bekerja di ladang-ladang getah kecil terpaksa keluar rumah pada subuh-subuh hari dan oleh itu keselamatan dan jagaan anak-anak kecil mereka tiada terjamin. Kadang-kalanya anak perempuan yang besar terpaksa berhenti sekolah untuk membantu menjaga adik kecil mereka.

9. Ini mengakibatkan ramai di antara kanak-kanak pra-sekolah yang tidak dapat merasai kesayangan, bimbingan dan jagaan ibu-bapa. Tambahan pula pada masa sekarang kemudahan untuk jagaan dan pendidikan kanak-kanak pra-sekolah ini belum mencukupi. Faktor-faktor ini mendedahkan kanak-kanak pra-sekolah kepada akibat-akibat buruk, penyakit-penyakit dan jangkitan-jangkitan, kekurangan zat makanan dan keadaan alam sekitar yang kurang memuaskan.

10. Adalah penting bagi ibu-bapa dan masyarakat mengetahui dan memahami keperluan istimewa kesihatan, makanan dan pendidikan kanak-kanak pra-sekolah serta cuba memenuhinya. Tahun-tahun yang awal bagi kanak-kanak merupakan masa yang amat penting untuk pembesaran dan perkembangan mental, fizikal dan sosial kanak-kanak ini. Jika jagaan sepenuhnya tidak diberi ia akan menyebabkan gangguan kesuburan dan diakhiri pula dengan kanak-kanak ini tidak dapat mencapai kebolehan dan potensi yang maxima pada masa hadapan.

11. Dari segi keselamatan kanak-kanak, kajian ke atas kemalangan di kalangan kanak-kanak menunjukkan bahawa kemalangan lebih banyak berlaku di luar bandar iaitu 47%, walaupun peratusan di bandar adalah besar juga iaitu 37.5%. Pada keseluruhannya masa kemalangan berlaku di antara jam 10 pagi hingga 5 petang iaitu semasa ibu-ibu keluar bekerja. Dari jumlah kemalangan, 51% adalah di kalangan kanak-kanak yang berumur empat tahun ke bawah. Mengikut tempat kemalangan berlaku, sebanyak 44% adalah di dalam rumah. Kebakaran dan lecur merupakan jenis kemalangan yang sering berlaku di kalangan kanak-kanak dan ini menunjukkan jagaan dan keselamatan yang kurang di kalangan kanak-kanak itu.

12. Banyak lagi penyakit-penyakit kanak-kanak yang boleh menyebabkan akibat buruk seperti kehilangan penglihatan, lumpuh, cacat otak dan kecacatan-kecacatan lain jika langkah-langkah pencegahan tidak diambil, dan jika tidak dikesan dari awal dan rawatan sewajarnya tidak diberi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Di Malaysia, sebab-sebab utama yang menyebabkan kematian kanak-kanak dalam golongan pra-sekolah ialah cirit-birit dan jangkitan respiratori. Ini diikuti dengan kemalangan baik di jalan raya ataupun di rumah. Kemalangan di rumah boleh dielakkan jika ibu-bapa memastikan bahawa keadaan di rumah dan sekitar rumah selamat untuk kanak-kanak mereka. Keadaan kekurangan zat makanan adalah satu faktor yang perlu ditegaskan kerana ia secara langsung atau tidak langsung, menyebabkan kematian di kebanyakan kanak-kanak pra-sekolah ini khasnya dengan adanya penyakit-penyakit lain seperti cirit-birit atau jangkitan respiratori terutama di kalangan keluarga taraf sosio-ekonomi yang rendah dan keadaan alam sekitar yang tidak memuaskan. Sungguhpun kanak-kanak pra-sekolah ini boleh hidup dalam keadaan kekurangan zat makanan, tetapi mereka akan ketinggalan dari aspek fizikal dan mental jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang diberi makanan seimbang dan mencukupi.

14. Memandangkan kepada hal ini, kita tidak dapat menafikan bahawa pusat jagaan dan asuhan harian sangatlah perlu untuk membantu ibu-ibu yang menjadi pencari nafkah yang tunggal dan juga yang berpendapatan rendah bagi mengatasi masalah jagaan anak-anak mereka semasa mereka keluar bekerja. Saya rasa ada baiknya sekiranya kita dapat memikirkan untuk mengadakan lebih banyak lagi pusat-pusat didikan dan asuhan harian di bandar dan juga di luar bandar. Pusat-pusat seumpama ini selain daripada menjadi tempat di mana anak-anak kecil ini dapat ditinggal dan dijaga dengan baik akan juga dapat menentukan pertumbuhan yang sihat dari segi fizikal dan mental kanak-kanak kecil ini. Dengan adanya didikan seperti ini kanak-kanak ini dapat diasuh dengan baik di samping menjaga kesihatan

mereka. Dalam hal ini ejensi-ejensi Kerajaan, pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan sukarela dan individu-individu seharusnya memikirkan perkara ini dengan mendalam. Saya percaya bahawa dengan pengalaman yang ada kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian tentang didikan kanak-kanak kecil ini dan juga dengan semangat serta sikap ingin berbakti kepada masyarakat, tuan-tuan dan puan-puan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada perkara yang agak penting dan mendesak ini.

Para hadirin sekalian.

15. Pembesaran dan perkembangan kanak-kanak pra-sekolah juga mempunyai kaitan kepada keadaan kesihatan, jagaan dan dengan faktor-faktor alam sekitar semenjak anak itu dilahirkan lagi. Apabila sasaorang bayi itu dilahirkan dia memasuki dua jenis alam sekitar atau environment, iaitu environment fizikal dan environment sosio kebudayaan. Environment fizikal ini mudah kita fahami dan merangkumi perkara-perkara seperti bekalan ayer yang selamat, tandas yang sempurna, perumahan yang sesuai, keadaan kawasan yang bersih, makanan dan minuman yang berzat dan cukup dan sebagainya. Sebaliknya pula environment sosio kebudayaan adalah sukar sedikit untuk difahami. Ini termasuklah sikap ibu bapa dan keluarga terhadap pendidikan kanak-kanak, kepercayaan sosial dan kebudayaan, pantang-larang dan seterusnya.

16. Kedua-dua perkara ini memainkan peranan yang besar dalam perkembangan sasaorang kanak-kanak itu. Kedua-dua aspek ini adalah penting dan tidak boleh diabaikan. Kemajuan dan kesihatan seseorang anak kecil itu bergantung kepada sikap kita kepada perkara-perkara aspek ini.

17. Satu perkara yang juga perlu dipertimbangkan ialah mengenai ketiadaan jentera pengawalan dan penyeliaan yang rapi ke atas Pusat-pusat Harian yang diwujudkan. Pengawalan perlu diadakan untuk memastikan bahawa perkhidmatan yang diberi akan menjamin keselamatan dan pertumbuhan kanak-kanak yang sihat. Selain daripada itu kemudahan ini tertumpu di bandar-bandar sahaja. Dari segi kos pula bayaran yang dikenakan agak tinggi dan diluar daripada kemampuan ibu-bapa-ibu-bapa yang berpendapatan rendah.

18. Dalam hal ini, piawaian ke atas penyelenggaraan dan mutu perkhidmatan perlu ditentukan dan menjadi asas untuk mengukur mutu perkhidmatan yang diberi oleh Pusat-pusat Jagaan dan Asuhan ini.

19. Untuk menguatkuasakan keperluan pengawalan dan piawaian perkhidmatan, peruntukan undang-undang mengenai jagaan dan asuhan penting diadakan. Ejensi sosial yang sesuai perlu diberi tanggungjawab untuk mengatitkan strategi-strategi pendekatan mengenai hal ini.

20. Selain daripada ini perkembangan kanak-kanak dan keperluan kanak-kanak kecil yang cacat merupakan perkara yang perlu dipertimbangkan dalam mengadakan perkhidmatan jagaan dan asuhan kanak-kanak. Pengawasan mutu pusat-pusat tersebut akan menghasilkan cadangan bagi mewujudkan pengawalan yang belum diadakan sekarang.

21. Peranan keluarga khasnya ibu-ibu adalah sangat penting untuk memastikan kesihatan dan kesuburan kanak-kanak pra-sekolah. Di negara kita pada masa ini, baik di bandar maupun di luar bandar, kita sedang menghadapi pembangunan sosio-ekonomi yang pesat dan kesan-kesannya boleh dilihat dalam cara pendidikan dan jagaan kanak-kanak yang berubah corak disebabkan oleh faktor-faktor seperti penghijrahan daripada luar bandar ke kawasan-kawasan perbandaran, penglibatan lebih tenaga-tenaga wanita dalam pekerjaan-pekerjaan bergaji dan sebagainya. Jagaan dan pendidikan kanak-kanak pra-sekolah ini adalah secara beransur-ansur menjadi tugas masyarakat yang mengambil alih peranan tradisi yang dimainkan dahulu oleh ibu dan ahli-ahli keluarga sahaja.

Para hadirin sekalian.

22. Saya juga tertarik hati kepada penilaian pihak bapa kepada Pembukaan Pusat-pusat Asuhan Kanak-kanak. Pendapat dan penglibatan bapa-bapa adalah diperlukan kerana tanggungjawab bagi pertumbuhan kanak-kanak tidaklah terletak di tangan ibu sahaja. Kanak-kanak memerlukan perhatian

dan kasih sayang daripada kedua-dua ibu dan bapa mereka.

23. Seminar ini memanglah tepat dan kena pada masanya. Setiap pihak hendaklah mengembelingkan tenaga dan usahanya dalam menyediakan rancangan-rancangan bagi kanak-kanak khususnya golongan pra-sekolah. Masa menjadi kanak-kanak dilalui sekali sahaja dalam seumur hidup. Alam kanak-kanak berlalu begitu cepat. Dengan sebab itu tempoh tersebut adalah sangat penting untuk membentuk sifat-sifat yang boleh menentukan masa depan mereka. Kanak-kanak memerlukan asuhan dan bimbingan supaya menjadi generasi yang berguna bukan sahaja kepada ibu-bapa malahan yang penting ialah kepada masyarakat dan negara.

24. Saya percaya Seminar ini akan menghasilkan sesuatu yang akan memberi munafaat bukan sahaja kepada kanak-kanak kita tetapi juga kepada masyarakat dan negara. Dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Seminar 'Pengasuhan Kanak-kanak Pra-Sekolah' ini.

Terima kasih.